

Suami isteri bergaduh dikenakan bon berkelakuan baik enam bulan

KUCHING: Mahkamah Majistret di sini, semalam mengenakan bon berkelakuan baik selama enam bulan dengan jaminan RM300 setiap seorang terhadap sepasang suami isteri yang terlibat dalam pertengkaran domestik sehingga si suami menampar dan mencekik isterinya kerana menghantar mesej kepada lelaki lain.

Majistret Ling Hui Chuan mengeluarkan perintah tersebut terhadap Rayphil Ranying, 33, dan Juliati Libat, 34, selepas mereka mengaku bersalah di bawah Seksyen 67 Kanun Tatacara Jenayah.

Berdasarkan fakta kes, Juliati, pengadu yang juga seorang pemilik salon, melaporkan bahawa kejadian berlaku sekitar jam 3 petang pada 21 Mac 2025 apabila Rayphil secara tiba-tiba merampas telefonnya semasa dia sedang menghantar mesej kepada rakan lama zaman persekolahan.

Selepas membaca mesej tersebut, Rayphil naik marah lalu menampar pipi kiri isterinya dan mencekiknya.

Susulan laporan itu, Rayphil ditangkap pada 4 April 2025.

Siasatan mendapati ke-

jadian berpunca daripada perasaan cemburu Rayphil selepas mengetahui bahawa isterinya menghubungi rakan lelaki lamanya tanpa pengetahuannya.

Mesej-mesej berkenaan dikatakan terlalu mesra dan melampaui batas persahabatan biasa.

Pada mulanya, Juliati tidak mahu kes itu disiasat kerana berhasrat untuk bercerai secara baik dengan Rayphil dan telah menarik balik laporan polis atas kehendaknya sendiri.

Namun begitu, Rayphil enggan menandatangani do-

kumen penceraian kerana tidak bersetuju dengan tuntutan Juliati, menyebabkan beliau memohon agar kes itu dibuka semula.

Bagi mengelakkan insiden sama berulang, mahkamah memerintahkan Rayphil dan Juliati menandatangani bon berkelakuan baik selama enam bulan.

Rayphil diwakili peguam Theresa Dunstan Udam, manakala Juliati diwakili peguam Raphael Ling.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Nur Shafiq Nyaie Ilin.